

GARIS PANDUAN KESELAMATAN

# KEKAL SELAMAT KETIKA BANJIR

MÉDECINS SANS FRONTIÈRES (MSF)



# JIKA ANDA TINGGAL DI KAWASAN YANG SERING BERLAKU BANJIR KILAT

RANCANG SEKARANG UNTUK LINDUNGI KELUARGA  
DAN HARTA ANDA



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM BANJIR

ADAKAH ANDA MENETAP DI LOKASI YANG SERING BERLAKU BANJIR? BERIKUT BEBERAPA PERKARA BOLEH ANDA LAKUKAN SEBAGAI PERSEDIAAN:

- Pastikan anda mempunyai maklumat terkini. Dengar radio, televisyen, atau sebarang pengumuman perkhidmatan awam dan saluran maklumat kecemasan lain.
- Di sesetengah tempat, banjir kilat boleh berlaku dengan atau tanpa adanya tanda amaran biasa seperti awan hujan atau hujan lebat. Ketahui jika ada kemungkinan berlaku banjir kilat di kawasan anda. Segera berpindah ke tempat lebih tinggi jika banjir kilat berlaku. JANGAN tunggu arahan sebelum berpindah.
- Ikuti sebarang arahan kecemasan yang dikeluarkan pihak berkuasa.
- Berwaspada dengan sungai, saliran terusan atau tapak lain yang terdedah kepada banjir yang tidak dijangka.



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM BANJIR

- Bincang dengan keluarga anda mengenai banjir. Berbincang mengenai banjir lebih awal membantu untuk mengurangkan kebimbangan dan ketakutan, serta membantu semua orang tahu bagaimana untuk bertindak balas.
- Tentukan apa yang perlu dialihkan ke tempat lebih tinggi, dibawa keluar atau dipindahkan, dan kemudian ambil tindakan bersesuaian: makanan, pakaian, bekalan perubatan, dokumen penting keluarga, barang kemas, elektronik, makanan, dsb.
- Cegah kemungkinan kerosakan atau kemalangan dengan mempelajari cara menutup gas, elektrik dan berkalan air di rumah anda.



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM BANJIR

SEDIAKAN STRATEGI PERPINDAHAN:

- Tentukan lokasi hendak dituju: Cari laluan alternatif perjalanan yang kurang cenderung banjir. Gunakan laluan paling selamat untuk sampai ke destinasi anda. Elak menggunakan mana-mana jalan yang berkemungkinan dihalang air.
- Sediakan pelan untuk haiwan kesayangan anda.
- Jika seseorang dalam keluarga anda perlu pindah, mereka semua sepatutnya tahu ke mana hendak dituju. Rancang di mana anda akan bertemu sekiranya terpisah.
- Beritahu keluarga dan rakan anda di mana anda akan berada.



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM BANJIR

SENTIASA SIMPAN KIT BEKALAN KECEMASAN.


KOMPONEN PENTING KIT TERBABIT TERMASUK:




FIRST AID




MATCHES




CANDLES



FLASHLIGHT




BATTERIES




WATER



NON-PERISHABLE FOOD




MEDICATIONS



SLEEPING BAGS



CASH




CLOTHES

- Peralatan pertolongan cemas
- Lampu suluh, dan bateri tambahan
- Bahan makanan tidak mudah rosak
- Air minuman
- Mancis dan lilin
- Ubat-ubatan penting
- Selimut atau beg tidur, pakaian hangat
- Tunai
- Baju tambahan dan/atau baju hujan

# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEBELUM BANJIR


- Pastikan anda mempunyai beberapa bekas bekalan kecemasan tersedia yang boleh anda gunakan jika anda memilih untuk kekal, atau yang boleh anda bawa bersama sekiranya memilih untuk berpindah.
- Sediakan air minuman - kira-kira satu gelen seorang setiap hari untuk tempoh tujuh hari - dalam bekas yang bersih dan bertutup.
- Kanak-kanak perlu diajar bila dan bagaimana untuk menghubungi polis atau bomba, serta cara mendapatkan saluran maklumat kecemasan.

 **Bantu ahli keluarga, rakan, jiran, dan lain-lain untuk turut sama melengkapkan senarai semak.** 



# APA PERLU ANDA LAKUKAN BELUM BANJIR

1. Jika diarahkan pindah, lakukan dengan segera.
2. Pemindahan lebih mudah dan selamat sebelum air banjir menjadi terlalu dalam kerana kenderaan biasa boleh melaluinya.
3. Matikan semua litar elektrik pada panel fius. Matikan juga bekalan gas pada meter atau saluran utama. Matikan air pada injap utama.  
**PENTING:** Jangan sentuh ia jika anda basah atau berdiri dalam air.  
**KELUAR** segera.
4. Ikuti laluan pemindahan disyorkan - jalan pintas mungkin terhalang. Pindah awal, untuk mengelak terkandas di jalan yang dinaiki air.
5. Jika memasuki kawasan dinaiki banjir, patah balik dan guna laluan lain. Jangan memandu melalui air atau melepassi halangan. Jika anda perlu juga memandu, hati-hati.
6. Jika enjin kereta anda mati, tinggalkannya dengan segera dan bergerak ke tempat lebih tinggi.
7. Jika air naik sekeliling kereta anda, tinggalkan kenderaan itu segera. Panjat ke kawasan lebih tinggi secepat mungkin,



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SEMASA PEMINDAHAN

- **Jangan menyeberangi** mana-mana air yang berarus. Air yang bearus laju sedalam inci sekalipun air boleh menumbangkan seseorang. Jika anda perlu menyeberangi air, lakukannya di kawasan air yang tidak berarus. Periksa kestabilan tanah di hadapan anda menggunakan kayu.

**Ingat:** Air banjir juga boleh membawa kepada penyebaran penyakit berjangkit seperti leptospirosis, atau racun daripada kimia berbahaya.

- **Jangan memandu ke kawasan banjir.** Sebuah kereta kecil boleh dihanyutkan sekecil-kecil air dengan kedalaman satu kaki



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SELEPAS BANJIR

- Pastikan anda mempunyai maklumat terkini. Dengar radio, televisyen atau mana-mana pengumuman perkhidmatan awam dan saluran maklumat kecemasan lain.
- Jangan pulang ke rumah melainkan atas nasihat pihak berkuasa bahawa ia selamat untuk berbuat demikian.
- Jangan memasuki bangunan jika masih dinaiki air atau dikelilingi banjir.
- Pakai kasut yang kukuh. Kcederaan paling biasa susulan bencana adalah luka di kaki.
- Hanya guna lampu berkuasa bateri. Mancis atau lilin mungkin berbahaya sekiranya ada bahan mudah terbakar.
- Periksa kediaman anda sebelum masuk. Periksa dinding, lantai, pintu, tingkap dan siling jika ada risiko runtuhan



# APA PERLU ANDA LAKUKAN SELEPAS BANJIR

- Gunakan kayu untuk mengalihkan barang-barang kecil di kediaman anda, dan berhati-hati dengan serangga berbahaya.
- Periksa litar elektrik anda, dan sumber gas serta air sebelum menghidupkannya. Periksa jika ada kerosakan sistem elektrik (percikan api, patah atau wayar robek, atau bau penebat terbakar), serta kebocoran gas.



- Periksa tangki septik anda.
- Buang semua makanan dan minuman yang terkena banjir
- Bantu jiran anda dan mereka yang kurang upaya.
- Makluman pihak berkuasa tempatan mengenai kemudahan awam yang rosak

# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU ORANG LAIN SELEPAS BANJIR?

Apabila bencana berlaku, ramai yang ingin membantu mereka yang memerlukan. Pastikan anda memberikan bantuan melalui saluran yang sesuai.

**Sumbangan kewangan** hendaklah dibuat melalui organisasi yang diiktiraf atau berdaftar, supaya sumbangan terbabit dimanfaatkan untuk tujuan yang diinginkan.



# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU ORANG LAIN SELEPAS BANJIR?

- Sumbangan makanan atau pakaian: Petugas bantuan selalunya tidak mempunyai masa atau fasiliti untuk mewujudkan saluran pengagihan, dan kerap sekali barang yang disumbangkan akhirnya dibazirkan.
- Sebelum menghantar sumbangan anda, dapatkan panduan daripada saluran rasmi, terutama pejabat kerajaan atau organisasi amal pilihan anda. Sesetengah organisasi mungkin mempunyai hab pengedaran atau ibu pejabat di mana mereka boleh menerima sumbangan dan memperuntukkannya secara wajar.
- Ketahui apa yang benar-benar diperlukan oleh mereka yang terselamat serta yang berpindah, di mana ia diperlukan.
- Maklumkan kepada pejabat atau organisasi mengenai derma anda. Berikan maklumat mengenai waktu ketibaan atau masa penghantaran anda, serta bersedia untuk menyediakan pengangkutan dan memunggah barang disumbangkan.

# BAGAIMANA ANDA BOLEH MEMBANTU ORANG LAIN SELEPAS BANJIR?

Apabila bencana berlaku, ramai yang ingin membantu mereka yang memerlukan. Pastikan anda memberikan bantuan melalui saluran yang sesuai.

## Sukarelawan Masyarakat

- Pegawai perkhidmatan kecemasan tempatan biasanya menyelaraskan usaha sukarelawan selepas bencana..
- Sukarelawan boleh membantu memasak makanan panas untuk keluarga di pusat pemindahan, atau membungkus semula sumbangan ke dalam kit lebih kecil untuk diagihkan.

